

22/02/1999

PM rasmi kejohanan golf

KUALA LUMPUR, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melancarkan kejohanan golf amatir terbesar di Malaysia, Thommo Titanium Golf Challenge '99, di sini.

Sebagai tanda perasmian, Perdana Menteri membuat pukulan bola golf buatan tempatan jenama Thommo yang digunakan dalam pertandingan itu serta melancarkan kereta Proton Perdana Edisi Khas Piala Golf Sedunia.

Turut hadir, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Seri Sabbaruddin Chik; Timbalan Pengerusi Kumpulan Sime Darby, Tan Sri Tunku Ahmad Yahaya; Pengerusi Edaran Otomobil Nasional (EON) Berhad, Tan Sri Mohd Saleh Sulong dan juara lima kali Terbuka Britain, Peter Thomson.

Thommo Titanium Golf Challenge '99 yang akan disertai 7,200 pemain golf di 60 kelab golf di seluruh negara, bertujuan meningkatkan mutu sukan itu serta menggalakkan peminat golf menggunakan bola golf jenama tempatan.

Setiap pakej kejohanan itu menawarkan hadiah bernilai lebih RM10,000, termasuk tiket eksklusif menyaksikan Kejohanan Piala Golf Sedunia '99 yang akan diadakan di Mines Resort di sini, pada November depan.

EON turut menjayakan Kejohanan Piala Golf Sedunia '99 dengan menawarkan sebuah Proton Perdana edisi kejohanan itu kepada pemain yang berjaya melakukan pukulan `hole-in-one'.

Sementara itu, pengeluar bola golf jenama Thommo, Professional Golf Company Sdn Bhd pada sidang akhbar memberitahu pihaknya menjangka nilai jualan tahun ini meningkat dua kali ganda berbanding RM10 juta yang diperolehi tahun lalu.

Syarikat itu yang juga anak Syarikat DIMB Berhad, juga bercadang meningkatkan jumlah eksport kepada 60 peratus tahun ini dengan Amerika Syarikat menjadi negara pasaran terbaru.

Tunku Ahmad berkata, pihaknya yakin jualan bola golf meningkat selepas berjaya menganjur Thommo Titanium Golf Challenge '98 yang mengundang 22 kelab golf di seluruh negara selain pemilihan jenama Thommo sebagai bola golf rasmi Piala Golf Sedunia '99.

Menurutnya, syarikat juga akan berusaha mempelbagaikan produk termasuk bola golf khas untuk pemain wanita selain tiga jenama sedia ada iaitu Thommo Titanium Extra Spin, Thommo Soft-Feel dan Thommo DS-100.

Thommo adalah bola golf pertama di Asia yang mendapat pengiktirafan menjadi bola rasmi kejohanan golf bertaraf dunia.

(END)